

Abstrak

بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sifat Dua Puluh merupakan satu bentuk pengajian Ilmu Akidah yang memfokuskan perbincangan mengenai sifat-sifat Allah SWT, iaitu sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT. Kajian ini dilakukan untuk meneliti perbincangan persoalan sifat yang terdapat di dalamnya, bagi melihat metodologi yang digunakan dalam memberi kefahaman Ilmu Akidah sebenar. Di samping itu juga untuk menyorot tentang kefahaman masyarakat terhadap Ilmu Akidah serta keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh pihak jabatan agama dalam menyampaikan akidah yang benar kepada masyarakat. Hasil kajian mendapati corak perbincangan yang terdapat di dalam Sifat Dua Puluh masih lagi mempunyai umsur-unsur falsafah dan caranya mempunyai perbezaan dengan cara yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Hasil kajian juga mendapati masyarakat mempunyai kefahaman yang baik mengenai Ilmu Akidah malah berpegang dengan yakin terhadap apa yang dipelajari. Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama, telah mengadakan perancangan yang baik untuk memelihara dan menjaga kemurnian Akidah umat Islam di Kuala Terengganu. Program-program pengajian dan penerangan ilmu-ilmu agama dilaksanakan. Namun masih wujud kepincangan dalam masyarakat apabila masyarakat masih gagal merialisasikan sepenuhnya kefahaman akidah mereka dalam kehidupan harian. Begitu juga majlis-majlis ilmu yang dianjurkan kurang mendapat sambutan daripada anggota masyarakat.

Abstract

بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

The Twenty Attributes of Allah (*Sifat Dua Puluh*) is a method of teaching *Aqidah* which focus on the discussion of the attributes of Allah SWT that is the necessary, the impossible and the possible attributes of Allah SWT. The purpose of this research is to analyse the approach used by this method of teaching *Aqidah* and its effect in explaining an Islamic creed to the Muslim. Its also tries to evaluate the effectiveness of the programs organized by the authority in spreading this understanding. The outcome of the study showed that, the method used by this approach is influenced by philosophical elements and it is different from what was performed by the Prophet. The study also indicated that the Muslim society has a good understanding of *Aqidah* and strongly believe in it. The Terengganu Islamic Affairs Department had organized and prepared constructive programmes for the self-betterment and purity of faith of Kuala Terengganu Muslims. Various teaching sessions were conducted. Nevertheless we observe a small portion of the society failed to fully realize the understanding of *Aqidah* in their daily life. In addition the teaching sessions organized had attracted only a minimal participation from the society.